

179 kes baru Covid-19 hari ini, jumlah keseluruhan 3,662 kes

Malaysiakini

05 April 2020

Geraldine Tong

Malaysia merekodkan 179 kes baru Covid-19, menjadikan jumlah keseluruhan setakat ini kepada 3,662 kes, menurut Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah turut memaklumkan empat lagi pesakit baru yang meninggal dunia, menjadikan jumlah korban kepada 61.

Katanya, daripada 179 kes baru tersebut, 46 daripadanya mempunyai kaitan dengan perhimpunan Tabligh di Masjid Sri Petaling Kuala Lumpur pada akhir Februari lalu.

Berikut merupakan empat pesakit yang meninggal dunia:

Kematian ke-58 (Pesakit 2,210)

Lelaki warga Malaysia berumur 72 tahun dan mempunyai latar belakang

penyakit kencing manis dan darah tinggi. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 (kes ke-1031).

Dia dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 27 Mac dan disahkan meninggal dunia pada 1.37 tengah hari semalam.

Kematian ke-59 (Pesakit 3,484)

Lelaki warga Malaysia berumur 68 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis.

Dia dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 27 Mac dan disahkan meninggal dunia pada jam 3.40 petang semalam.

Kematian ke-60 (Pesakit 3,703)

Lelaki warga Malaysia berumur 53 tahun.

Dia dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 31 Mac dan disahkan meninggal dunia pada jam 12.39 pagi hari ini.

Kematian ke-61 (Pesakit 2,200)

Lelaki warga Malaysia berumur 66 tahun dan mempunyai latar belakang kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang.

Dia dirawat di Hospital Keningau, Sabah pada 26 Mac dan disahkan meninggal dunia pada jam 9.36 malam semalam.

Noor Hisham menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bilangan pesakit Covid-19 yang ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) kekal 99 orang.

Pesakit ICU yang memerlukan bantuan pernafasan pula menurun daripada 50 kepada 48 orang.

Sementara itu, seramai 90 pesakit sudah pulih dan dibenarkan pulang hari ini.

Ini menjadikan jumlah pesakit yang sembuh kepada 1,005 orang, atau 27.45 peratus daripada keseluruhan kes Covid-19.

Dalam pada itu, Noor Hisham menekankan kepentingan untuk mereka yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit Covid-19, mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau hadir ke perhimpunan yang berkaitan dengan

penularan wabak, untuk memberi maklumat secara jujur.

Beliau juga sekali lagi menasihatkan orang ramai agar terus mematuhi perintah kawalan pergerakan, mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi pada setiap masa dan mengamalkan penjarakan sosial, bagi memutuskan rantai jangkitan wabak tersebut.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/518922>